

ULASAN DANA

Pada bulan Mei 2018, dana ini mencatat pulangan berjumlah -6.62% berbanding pulangan penanda aras berjumlah -7.54%. Sejak dimulakan, dana ini mencatat pulangan berjumlah 14.20%, iaitu 19.86% lebih baik daripada pulangan penanda aras.

CIRI-CIRI DANA

Objektif Pelaburan

Dana ini direka untuk memberikan prestasi yang mengatasi prestasi Indeks FBM (FTSE Bursa Malaysia) Syariah EMAS sepanjang tempoh 5-tahun.

Strategi Pelaburan

Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 80% dalam ekuiti patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia dan apa-apa baki dana dalam tunai dan simpanan tetap. Ekuiti individu dipilih berdasarkan pandangan pengurus dana ke atas mana-mana ekuiti yang boleh mengatasi indeks, dan juga berdasarkan analisis kualiti pengurusan, potensi pertumbuhan pendapatan dan kedudukan pasaran syarikat yang mendasarinya. Pendekatan pelaburan ini adalah aktif.

Pasaran Sasaran

Individu yang mahukan pulangan daripada ekuiti patuh Syariah, dan percaya bahawa pengurus dana boleh mengatasi pasaran.

Penanda Aras


Indeks FBM (FTSE Bursa Malaysia) Syariah EMAS (www.bursamalaysia.com)

BUTIRAN DANA

Tarikh Permulaan	24 Februari 2014
Mata wang Dana	Ringgit Malaysia
Pengurus Dana	Etiqa Family Takaful Berhad (EFTB) telah mendapatkan khidmat sumber luar bagi fungsi pengurusan pelaburan daripada Etiqa Life Insurance Berhad (ELIB). EFTB mengenakan caj ke atas dana untuk perkhidmatan pengurusan dana.
Saiz Dana	RM72.83 juta
Nilai Aset Bersih (NAB) seunit	RM1.14
Fi Pengurusan Dana	1.50% setahun daripada NAB
Ticker Bloomberg	DANAAPT MK Equity
Tahap Risiko Keseluruhan	5 (1=Risiko Rendah hingga 5=Risiko)
Asas Penilaian Unit	Harga unit ditentukan setiap hari berdasarkan nilai aset yang mendasari dana, selepas menolak perbelanjaan, dibahagikan dengan jumlah bilangan unit dalam dana tersebut.
Kekerapan Penilaian Unit	Setiap hari
Caj-caj Lain, jika ada	Tiada
Patuh Syariah	Ya

PRESTASI DANA

Prestasi Nilai Aset Bersih




Sumber: Etiqa Life Insurance Berhad

5 PEGANGAN TERATAS

- 1) DIALOG GROUP BERHAD
- 2) TENAGA NASIONAL BERHAD
- 3) AXIATA GROUP BERHAD
- 4) SERBA DINAMIK HOLDINGS BERHAD
- 5) YINSON HOLDINGS BERHAD

PERUNTUKAN ASET



Sumber: Etiqa Life Insurance Berhad

Sejarah Prestasi Dana (dalam %)

%	1 bulan	YTD	1 tahun	3 tahun	5 tahun	Sejak Permulaan	Ditahunkan Sejak Permulaan
Dana	-6.62	-6.93	-3.55	6.23	n/a	14.20	3.11
Penanda Aras	-7.54	-8.47	-4.91	-3.18	n/a	-5.66	-1.33
Perbezaan	0.92	1.54	1.36	9.41	n/a	19.86	4.44

Sumber: Etiqa Life Insurance Berhad

Nilai Aset Bersih Tertinggi dan Terendah seunit (dalam RM)

Tahun	Tertinggi (RM)	Terendah (RM)
2018 (YTD)	1.27	1.13
2017	1.23	1.09
2016	1.14	1.05
2015	1.10	0.97
2014	1.08	0.98

Keadaan Luar Biasa

- Dalam keadaan luar biasa, kami berhak untuk menggantung pengeluaran atau pembatalan unit. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan akan disiarkan di laman web kami, dan akan diberitahu kepada Peserta atas apa-apa permintaan untuk penambahan, pertukaran, atau penarikan balik kepada atau daripada dana.
- Pada bila-bila masa, kami mempunyai hak untuk menutup mana-mana dana, atau untuk memindahkan pelaburan kepada dana baharu, tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu oleh pengawal selia. Dalam keadaan sedemikian, kami akan memberikan notis bertulis 90 hari terlebih dahulu.

PENDEDAHAN RISIKO

Peserta harus mempertimbangkan potensi risiko berikut apabila melabur dalam dana:

- 1 **Risiko Pasaran** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang memberi kesan kepada prestasi keseluruhan pasaran kewangan. Faktor-faktor ini disebabkan oleh keadaan pasaran semasa atau tinjauan masa hadapan, dan boleh melibatkan kedua-dua pasaran tempatan dan asing. Faktor-faktor ini boleh termasuk ekonomi, politik, kadar hasil bon kerajaan, serakan kredit ke atas bon korporat, penarafan kredit negara, tahap pasaran saham, kadar pertukaran asing, dan harga komoditi. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko kepada dana dengan membeli perlindungan harga, melabur dalam pelbagai kelas aset atau dengan meningkatkan pendedahan kepada tunai. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko pasaran dengan memilih dana yang mempunyai kadar aset berbentuk tunai yang lebih tinggi.
- 2 **Risiko Kredit dan Kemungkiran** - Risiko kerugian dalam nilai dana yang dilaburkan dalam tunai, bon atau hutang, disebabkan oleh faktor-faktor penanguhan atau penyusunan semula pembayaran berjadual daripada pihak berurusan ke atas pelaburan yang mendasarinya. Faktor-faktor ini boleh termasuk kebankrapan pihak berurusan. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan membeli perlindungan risiko kredit, mengurangkan pendedahan kepada pihak berurusan dengan risiko kredit yang lebih rendah, atau memilih aset banyak pihak berurusan yang tidak berkaitan. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kredit dengan memilih dana yang mempunyai pendedahan yang lebih rendah kepada wang tunai, bon atau hutang; atau memilih dana dengan pendedahan yang lebih rendah kepada bank-bank atau penerbit-penerbit dengan risiko kredit yang lebih tinggi.
- 3 **Risiko Kecairan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang menghalang penjualan suatu aset dana dengan segera. Faktor-faktor ini boleh termasuk kekurangan pembeli dalam pasaran, atau ketersediaan kecairan kepada pembeli. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan memilih tunai atau aset di mana dagangan kerap dilakukan. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kecairan dengan memilih dana yang mempunyai pendedahan yang lebih tinggi kepada tunai atau aset yang kerap didagangkan.
- 4 **Risiko Penumpuan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh pendedahan berlebihan kepada aset atau pasaran tunggal atau serupa. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan melabur dalam pelbagai aset. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko penumpuan dengan memilih dana yang memegang pelbagai aset, atau merangkumi pelbagai kelas aset, sektor pasaran, dan pihak berurusan.
- 5 **Risiko Operasi** - Risiko kerugian dalam nilai dana disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses, manusia dan sistem atau peristiwa luaran. Beberapa contoh insiden operasi termasuk:
 - penyelewengan pelaburan disebabkan oleh penipuan, tindakan menyalahi undang-undang, berniat jahat, iri hati, atau keganasan;
 - gangguan atau kegagalan sistem dan infrastruktur IT, yang mungkin digunakan untuk pemantauan, pelaksanaan, dan pentadbiran;
 - pengiraan tidak tepat kerana kualiti atau kesilapan data, kelemahan metodologi, atau salah pengiraan; dan
 - kawalan yang tidak tepat atau tidak lengkap.Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dengan mengasingkan tugas dan fungsi individu; mewujudkan proses pemulihan bencana dan kesinambungan perniagaan; melaksanakan pemeriksaan berkala secara bebas; dan melaksanakan pemilihan vendor pihak ketiga dan proses penilaian yang berterusan.
- 6 **Risiko Tidak Patuh Syariah** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh ketidakpatuhan dengan peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah bagi aset tertentu dana. Sekiranya aset tertentu menjadi tidak patuh, maka pendapatan ke atas aset perlu didermakan jika terus dipegang, atau nilai aset tertentu boleh jatuh disebabkan oleh lebih penjual dalam pasaran. Peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah atau majlis kawal selia yang lain. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dengan memantau pelaburan yang dipegang berbanding senarai sekuriti patuh Syariah yang diluluskan.

NOTA-NOTA PENTING

- 1 Helaian Fakta Dana ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja, dan tidak seharusnya ditafsirkan sebagai tawaran, cadangan atau permintaan untuk menyertai atau memiliki suatu sijil takaful. Ia tidak dalam apa-apa cara atau perbuatan dihasratkan untuk menjadi atau harus dianggap sebagai memberi apa-apa bentuk nasihat kepada anda. Bakal peserta perlu melakukan penilaian mereka sendiri tentang kesesuaian sijil dan risiko-risiko dana, berbanding dengan keperluan mereka, dan perlu mengambil kira nasihat profesional.
- 2 Helaian Fakta Dana ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Ilustrasi Pemasaran dan Helaian Pendedahan Produk bagi sijil. Bakal peserta perlu memberi perhatian teliti terhadap manfaat sijil yang bergantung kepada prestasi dana.
- 3 Risiko-risiko yang didedahkan di atas bukanlah semua risiko yang mungkin berkaitan dengan bakal peserta tertentu. Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari semasa ke semasa.
- 4 Prestasi dana terikat dengan prestasi aset yang dipegang oleh dana, dan seperti yang dinyatakan dalam helaian fakta dana ini.
- 5 Prestasi lepas bukan petunjuk prestasi masa hadapan.
- 6 Prestasi dana adalah pulangan ke atas aset dana, bukan pulangan ke atas sumbangan yang dibayar, kerana sumbangan tertakluk kepada caj-caj sebelum melabur dalam dana, dan dana mungkin tertakluk kepada caj-caj, yang khusus bagi sijil takaful, dan perbezaan masa aliran tunai.
- 7 Prestasi dikira berdasarkan NAB seunit pada permulaan dan akhir tempoh pengukuran, dikira sebagai:
Pulangan NAB = (Tempoh Akhir NAB seUnit / Tempoh Mula NAB seUnit) – 1
- 8 Prestasi tahunan dikira berdasarkan kaedah pulangan dikompaun.